



يونيو رسي تي كبعسان مليسيا

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 SESI 2000/2001**

**IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN**

**FEBRUARI 2001**

**MASA: 1 1/2 JAM**

**KOD KURSUS : ZT3133**

**TAJUK KURSUS : FALSAFAH ALAM SEKITAR**

- ARAHAN :**
- 1. Jangan buka kertas ini sebelum anda dibenarkan.**
  - 2. Jawab SEMUA soalan di BAHAGIAN A.**
  - 3. Jawab SATU soalan sahaja di BAHAGIAN B.**
  - 4. Jawab di atas helaian yang berasingan bagi setiap BAHAGIAN.**

**Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak tidak termasuk halaman ini.**

**BAHAGIAN A (30 MARKAH)**

(Jawab SEMUA Soalan)

1. Apakah pendekatan penjelasan tentang falsafah yang digunakan oleh orang Asia? (2 Markah)
2. Berikan definisi etika alam sekitar. (2 Markah)
3. Apakah pengaruh yang ditinggalkan oleh Animisme ke atas sikap masyarakat Malaysia terhadap alam sekitar? (2 Markah)
4. Berikan satu contoh sumber berfungsi. (1 Markah)
5. Apakah “syurga” dan “bumi” bagi penganut Buddhisme? (1 Markah)
6. Apakah perspektif alam sekitar yang boleh dilihat daripada konsep kasta? (2 Markah)
7. Mengapakah dalam agama Kristian, manusia dikatakan klimaks ciptaan Tuhan? (2 Markah)
8. Jelaskan konsep Khilafah dalam Islam dari perspektif alam sekitar. (2 Markah)
9. Apakah definisi ekologi menurut Odum? (2 Markah)
10. Sebutkan 2 daripada ciri-ciri perkembangan teknologi. (2 Markah)
11. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kos ekonomi luaran? (2 Markah)
12. Persekitaran politik telah dibahagikan kepada 2 bahagian. Sebutkan kedua-dua bahagian itu. (1 Markah)
13. Apakah tujuan EIA? (1 Markah)
14. Apakah jenis-jenis pencemaran udara? (1 markah)
15. Apakah piawai bunyi bising bagi kawasan bandar dan komersial? (1 Markah)
16. Apakah faktor-faktor yang ideal bagi pembiakan bakteria di kawasan bahan buangan pepejal di Malaysia? (2 Markah)

17. Berikan 2 langkah yang boleh dilakukan untuk menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar. (2 Markah)
18. Jelaskan tentang komposisi kumbahan domestik. (2 Markah)

**BAHAGIAN B (10 MARKAH)**

(Jawab SATU Soalan Sahaja)

1. Bagaimanakah eksploitasi sumber, arah pelaburan, orientasi pembangunan teknologi dan perubahan institusi dapat diharmonikan dengan alam sekitar di bawah konsep Pembangunan Berterusan? (10 markah)
2. Bagaimanakah bidang falsafah alam sekitar dapat membantu menyelesaikan masalah alam sekitar yang dihadapi kini? (10 markah)
3. Mengapakah bidang ekologi penting dalam hubungannya dengan alam sekitar? Bincangkan. (10 markah)